

Edisi 1 | Januari - Februari 2020



PUSAT  
PENDIDIKAN  
BERTERUSAN  
Continuing Education Centre  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

# BULLETIN

PUSAT PENDIDIKAN BERTERUSAN



## MAJLIS MENANDATANGANI SURAT HASRAT

ANTARA UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA  
DAN MEGA JATI ACADEMY SDN. BHD.

06



Aktiviti pelajar Diploma  
Eksekutif Imam Profesional

02



Jerayawara sempena Program  
Industry Engagement & Networking

03



Pendaftaran Pelajar Baharu  
Program Pascasiswazah

07

Ikuti kami di media sosial



CEC.UTHMJOHOR



cec.uthm



[cec.uthm.edu.my](http://cec.uthm.edu.my)



[cec@uthm.edu.my](mailto:cec@uthm.edu.my)



07-453 7017/7954

# PASUKAN REDAKSI

## Penaung

Prof. Madya Ts. Dr. Musli Bin  
Mohammad

## Penasihat

Prof. Madya Ts. Dr. Mohamad Hisyam  
Bin Mohd. Hashim

## Penyelaras

En. Mohd Azam Bin Jainal

## Editor

Pn. Noraizah Binti Wahab

## Reka Grafik

Pn. Nurulhidayah Binti Basari

## Fotografi

En. Muhammad Rashid Amran Bin  
Zainudin

## Sidang Redaksi

En. Mohamad Firdaus Bin Zaini  
Pn. Elli Binti Jamaluddin  
Pn. Nurul Ain Binti Juhari  
Pn. Norhazirah Binti Kemin

# ISI KANDUNGAN

1

- Belasungkawa
- MoU antara Wintech Academy Sdn. Bhd

2

- Taklimat MTCP
- Aktiviti Pelajar Diploma Eksekutif Imam Profesional

3

- Penyertaan Jeyarawara
- Mesyuarat bersama FKKE, PPS dan Pusat APEL UTHM

4

- Kunjungan Hormat ke KLIA College
- Majlis Perutusan Pengarah CEC

5

- Mesyuarat JKPPL Bil. 1/2020
- Kunjungan Balas ke Saito University College

6

- Kunjungan Balas ke Mega Jati Academy Sd. Bhd.
- Majlis Menandatangani Surat Hasrat antara Mega Jati Academy Sdn. Bhd.

7

- Pendaftaran Pelajar Baharu Pascasiswazah
- Taklimat Pelajar Baharu Program Sarjana secara separuh masa

8

- Kumpulan pertama lepasan APEL 7 Pelajar Sarjana Kejuruteraan Elektrik



# BELASUNGKAWA

02 Januari 2020

Tanggal 2 Januari 2020, Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) menerima khabar duka di atas kembalinya ke rahmatullah Tn. Hj. Radzion Bin Sarjo. Allahyarham merupakan pelajar kohort 2 Program Diploma Eksekutif Imam Profesional UTHM sesi ambilan April 2019. Sepanjang mengenali Allahyarham merupakan seorang ketua kelas yang berdedikasi dalam memimpin rakan sekelasnya dan bercita-cita tinggi menjadi imam professional kelak. Salam takziah daripada seluruh warga kerja CEC UTHM. Semoga rohnya sentiasa dicucuri rahmat dan ditempatkan dikalangan orang-orang yang beriman. Al-Fatihah.



# MOU ANTARA WINTECH ACADEMY SDN. BHD.

05 Januari 2020

Perbincangan dan penyerahan Memorandum of Understanding (MoU) antara Wintech Academy Sdn. Bhd. dan Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) UTHM telah dilaksanakan pada 5 Januari 2020 bertempat di CEC UTHM. Hasrat MoU ini bertujuan menjalinkan hubungan kerjasama melalui penawaran program CEC UTHM.



# TAKLIMAT PELAKSANAAN KURSUS PROGRAM KERJASAMA TEKNIKAL MALAYSIA (MTCP)

10 Januari 2020

Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) menghadiri taklimat pelaksanaan kursus Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) 2020 pada 10 Januari 2020 bertempat di Auditorium Wisma Persekutuan 1, Kementerian Luar Negeri (KLN), Putrajaya. Bermula tahun 2014, UTHM antara institusi yang terpilih dan berjaya mendapat kelulusan peruntukan penganjuran kursus. Tahun ini merupakan kali ke-6 UTHM mendapat peruntukan bagi pelaksanaan kursus “Strategies for Sustainable Manufacturing and Operations : Theory and Practice” yang akan dilaksanakan pada 14 hingga 20 Ogos 2020.



TAHUN	KURSUS YANG DILULUSKAN	PERUNTUKAN	PELAKSANA
2014	Project Management towards Organisational Sustainability	RM 250,000	CEC, FKMP, UHSB
2015	Project Management towards Organisational Sustainability	RM 200,000	CEC, FKMP, UHSB
2016	Strategies for Sustainable Manufacturing and Operations	RM 200,000	CEC, FKMP, UHSB
2017	Strategies for Sustainable Manufacturing and Operations	RM 150,000	FKMP, UHSB, CAD
2020	Strategies for Sustainable Manufacturing and Operations	RM 170,000	CAD, CEC, FKMP, UHSB

# MODUL ASAS PENYEMBELIHAN PELAJAR PROGRAM DIPLOMA EKSEKUTIF IMAM PROFESIONAL

19 Januari 2020



Aktiviti pelajar kohort 2 Program Diploma Eksekutif Imam Profesional menerusi Modul Penyembelihan yang diadakan di Masjid Sultan Ibrahim UTHM pada 19 Januari 2020.

# PENYERTAAN JERAYAWARA SEMPENA PROGRAM *INDUSTRY ENGAGEMENT & NETWORKING*

22 Januari 2020



Penglibatan Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) melalui aktiviti jerayawara bersempena penganjuran program Industry Engagement & Networking yang dilaksanakan pada 22 Januari 2020 bertempat di Dewan Bankuet, Dewan Sultan Ibrahim (DSI) UTHM. Program ini bertujuan untuk mengeratkan jalinan kerjasama penyelidik UTHM bersama pihak industri terutama pihak Kluang & Batu Pahat Chinese Chamber of Commerce & Industry. Majlis diserikan dengan kehadiran YB Tuan Chew Chong Sin, Adun Mengkibol Kluang. Turut hadir YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Wahid Razzaly; Naib Canselor UTHM, Tan Sri Dato' Tan Seng Leong; Presiden Kluang Chinese Chamber of Commerce & Industry, YBhg. Prof. Dr. Ismail bin Abdul Rahman; Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTHM, pegawai-pegawai kanan universiti dan pihak industri.

## MESYUARAT CEC BERSAMA FKEE, PPS DAN PUSAT APEL UTHM

27 Januari 2020

Mesyuarat pada 27 Januari 2020 dihadiri oleh wakil dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE), Pusat Pengajian Siswazah (PPS), Pusat Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL) dan Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) membincangkan pelaksanaan bagi kemasukan pelajarambilan Februari 2020 untuk lepasan APEL Tahap 7. Kemasukan pertama pelajar pengajian Sarjana Kejuruteraan Elektrik dijadualkan pada 25 Februari 2020.



# KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI UTHM KE KLIA COLLEGE

30 Januari 2020



Kunjungan hormat delegasi UTHM ke KLIA College yang disertai oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) bersama wakil dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK), Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) dan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP) bagi membincangkan jalinan kerjasama dan potensi penawaran Program Kerjasama Akademik dan Program Pembelajaran Berterusan UTHM.

# MAJLIS PERUTUSAN PENGARAH CEC DAN MESYUARAT PENGURUSAN


02 Februari 2020

Sorotan Majlis Perutusan Pengarah CEC UTHM dalam membincangkan hala tuju CEC untuk mencapai Sasaran Kerja Tahunan (SKTU) UTHM yang telah ditetapkan bagi tahun 2020. Majlis yang berlangsung pada 2 Februari 2020 ini telah memfokuskan usaha CEC bagi merealisasikan KPI 2020 dengan memperkasa pemasaran digital dan peningkatan penjana pendapatan universiti melalui pelaksanaan Program Akademik Pembelajaran Berterusan, Program Kerjasama Akademik, Program Eksekutif & Profesional termasuk menyelaraskan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) dan pelaksanaan Kursus Pendek UTHM.



# MESYUARAT JKPPL BIL. 1/2020

04 Februari 2020



Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Program Luar (JKPPL) Bil. 1/2020 dilaksanakan pada 4 Februari 2020. Agenda mesyuarat JKPPL ini merangkumi pembentangan kertas kerja bagi pelaksanaan program baru, makluman berkaitan kelulusan program dan lain-lain hal termasuk pencapaian pelaksanaan program bagi tahun 2019 dan perancangan pelaksanaan aktiviti tahun 2020.

# KUNJUNGAN BALAS PUSAT PENDIDIKAN BERTERUSAN KE SAITO UNIVERSITY COLLEGE

06 Februari 2020

Delegasi Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) UTHM mengadakan kunjungan hormat ke Saito University College (SUC) pada 6 Februari 2020 bersama Pusat Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL) UTHM dalam rangka lawatan meninjau fasiliti dan kemudahan sedia ada di SUC. Selain itu, kedua-dua pihak telah membincangkan potensi penawaran program kerjasama akademik, eksekutif dan profesional UTHM terutamanya dalam bidang Katering dan Teknologi Maklumat. Semasa kunjungan ini juga pihak Saito University College telah menandatangani surat hasrat untuk bekerjasama dengan UTHM.



# KUNJUNGAN BALAS PUSAT PENDIDIKAN BERTERUSAN KE MEGA JATI ACADEMY SDN. BHD.

06 Februari 2020

Kunjungan balas Delegasi Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) UTHM bersama Pusat Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL) UTHM ke Mega Jati Academy Sdn. Bhd. dalam rangka lawatan tapak meninjau fasiliti serta membincangkan potensi kerjasama dalam penawaran Program Eksekutif dan Profesional UTHM pada 6 Februari 2020.



# MAJLIS MENANDATANGANI SURAT HASRAT ANTARA UTHM DAN MEGA JATI ACADEMY SDN. BHD.

18 Februari 2020



Majlis menandatangani surat hasrat antara Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Mega Jati Academy Sdn Bhd. telah berlangsung pada 18 Februari 2020 bertempat di Dewan Jamuan Aras 5, Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA) UTHM. Hasrat jalinan kerjasama ini bagi tujuan pelaksanaan program Sarjana Eksekutif dan persediaan Program Sijil Profesional CIDB.



# PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PROGRAM PASCASISWAZAH SEMESTER 2 SESI 2019/2020

25 Februari 2020



Pendaftaran pelajar baharu Program Pascasiswazah UTHM dilaksanakan pada 25 Februari 2020 bertempat di Ruang Legar Pusat Pengajian Siswazah (PPS) bagi kemasukan semester 2 2019/2020. CEC UTHM mengucapkan Tahniah dan Selamat Datang kepada pelajar baharu program Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (MBV), Sarjana Kejuruteraan Elektrik (MEE) dan Sarjana Kejuruteraan Awam (MFA).

# TAKLIMAT PELAJAR BAHARU PROGRAM SARJANA SECARA SEPARUH MASA

25 Februari 2020

Bersempena pendaftaran pelajar baharu pascasiswazah pada 25 Februari 2020, bertempat di Bilik Seminar Pusat Pengajian Bahasa UTHM telah berlangsung sesi taklimat pelajar baharu bagi program Pengajian Sarjana (Separuh Masa) UTHM kemasukan semester 2 sesi 2019/2020. Taklimat ini bertujuan memberi infomasi secara menyeluruh berkaitan pelaksanaan program sarjana UTHM serta panduan dalam pelbagai aspek termasuklah pengurusan, perkhidmatan yang disediakan dan juga pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P) sepanjang tempoh pengajian. CEC UTHM mendoakan kejayaan buat semua pelajar baharu dan selamat maju jaya.



# KUMPULAN PERTAMA LEPASAN APEL TAHAP 7 PELAJAR SARJANA KEJURUTERAAN ELEKTRIK (MEE)

25 Februari 2020



Usai sesi taklimat, seramai 14 orang pelajar baharu bagi program pengajian Sarjana Kejuruteraan Elektrik bergambar kenangan bersama penyelar program dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) dan Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) UTHM.

Pelajar-pelajar ini merupakan kumpulan pertama lepasan APEL Tahap 7 yang berjaya diterima untuk mendaftar bagi program Sarjana Kejuruteraan Elektrik (MEE) UTHM bagi kemasukan semester 2 2019/2020.

# PROGRAM SARJANA (MASTER) SECARA SEPARUH MASA

Sarjana  
Kejuruteraan Awam  
(MQA/FA5870)

Sarjana  
Kejuruteraan Elektrik  
(MQA/FA5858)

Sarjana  
Kejuruteraan Mekanikal  
(MQA/FA5861)

Sarjana Pendidikan Teknik dan  
Vokasional  
(MQA/FA5855)

Sarjana Pendidikan Teknikal  
(Rekabentuk Instruksional  
dan Teknologi)  
(MQA/FA5854)

Sarjana Pendidikan Teknikal  
(Kejuruteraan Awam)  
(MQA/FA5852)

Sarjana Pendidikan Teknikal  
(Kejuruteraan Elektrik)  
(MQA/FA5851)

Sarjana Pendidikan Teknikal  
(Kejuruteraan Mekanikal)  
(MQA/FA5853)

Sarjana Sains Pengurusan  
Teknologi Pembinaan  
(MQA/FA0087)

Sarjana Sains  
Kejuruteraan Pengangkutan Rel  
(MQA/FA1538)

Sarjana  
Pentadbiran Perniagaan  
(MQA/FA10711)

**PENGAMBILAN PADA  
FEBRUARI DAN SEPTEMBER  
SETIAP TAHUN**

Ikuti kami di media sosial :

# PROGRAM EKSEKUTIF DAN PROFESIONAL

1

**Diploma Eksekutif  
Imam Profesional**

(Kerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri Johor)

2

**Diploma Eksekutif  
Pengurusan Fasiliti**

3

**Diploma Profesional  
Operasi Loji Proses**

(Kerjasama dengan ThinkPlus Consulting Sdn. Bhd.)

4

**Diploma Eksekutif  
Penerbangan Profesional**

(Kerjasama dengan Asia Aeronautical Training Academy)

5

**Diploma Eksekutif  
Pengurusan Hospitaliti**

6

**Sarjana Eksekutif  
Pengurusan Penerbangan**

7

**Sarjana Eksekutif Objek  
Rangkaian Internet (IoT)**

Ikuti kami di media sosial :



CEC.UTHMJOHOR



cec.uthm



cec.uthm.edu.my



cec@uthm.edu.my



07-453 7017/7954